

U GB 17-1.2 0013'1 BH376

bah

DAIHATSU HAMPIR PASTI KELUARKAN KERETA NASIONAL KEDUA
Mahathir - Kereta

KURLA LUMPUR, 17 Dis (Bernama)-- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memhayangkan satu +kemungkinan besar+ Daihatsu akan mengeluarkan kereta nasional kedua negara tidak lama lagi.

+Kerajaan telah bersetuju 90 peratus terhadap projek itu, + katanya ketika ditanya oleh pemberita sama ada kereta nasional kedua akan dikeluarkan oleh syarikat itu.

Ragaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan masih belum memhual, keputusan muktamad mengenainya.

Sebagai langkah pertama ke arah projek itu, Daihatsu akan menubuhkan sebuah pejabat di Malaysia, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan sedang mengkaji beberapa syarat yang dikemukakan oleh syarikat itu. -- Lagi

▼17/12/15-28MST

UGB17-1 2 001'50 BH377

bah

Mahathir - Kereta 2 (akhir) Kuala Lumpur

Beliau juga menyatakan kemungkinan ekuiti syarikat yang akan ditubuhkan bagi mengendalikan projek itu akan diberikan kepada pengedar Daihatsu yang ada di negara ini sekarang serta juga Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerusi United Motor Works (UMW).

+Daihatsu akan mendapat beberapa peratus daripada (ekuiti) syarikat itu, + katanya.

Ketika ditanya sama ada subsidi akan diberikan kepada syarikat tersebut untuk mengendalikan projek itu, Perdana Menteri berkata kerajaan akan hanya menyediakan kemudahan pengecualian cukai + dan kerajaan tidak akan rugi apa-apa+.

Kereta nasional sekarang, Proton Saga, ialah hasil usahasama kerajaan dengan Mitsubishi. Ia mengeluarkan kereta berkuasa 1,300cc dan 1,500cc.

Pada Julai lepas, Perdana Menteri berkata Daihatsu ditugaskan.. kajian kemungkinan sama ada Malaysia berupaya mengeluarkan kereta berkuasa 1000cc ke bawah.

Di samping itu, Syarikat Peugeot juga turut menyatakan minat untuk mengeluarkan kereta berkuasa kecil. -- Bernama

▼17/12/15-29MST